



07 JUN, 2024

Hari TVET Negara 2024 tawar 3,000 peluang kerja

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Banting: Pameran, program dan aktiviti berasaskan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mengisi sambutan Hari TVET Negara 2024 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat di sini.

Ketua Sekretariat Majlis TVET Negara Dr Mohd Faizal Tokeran berkata, sambutan itu dimeriahkan dengan pameran dan demonstrasi kemahiran oleh institusi TVET, pameran teknologi daripada pihak industri, aeroangkasa, kenderaan elektrik dan karnival kerjaya yang menawarkan 3,000 peluang pekerjaan.

Beliau berkata, sambutan yang dijangka menarik lebih 15,000 pengunjung itu menyajikan pelbagai aktiviti dan program dibahagikan kepada lima hab iaitu TVET Exhibition, TVET Se-

Hari TVET Negara 2024 tawar 3,000 peluang kerja

minar, TVET Job Fair, TVET Entrepreneur dan TVET Challenge.

“Dengan program dan aktiviti yang disediakan ini, orang ramai berpeluang mendapatkan pelbagai informasi berkaitan program, potensi serta laluan kerjaya lepasan bidang TVET untuk membantu mereka merancang masa depan pendidikan masing-masing.

“Lebih menarik, Hari TVET Negara ini juga melibatkan penyertaan 12 kementerian yang melaksanakan pendidikan TVET. Pastinya kementerian ini membuat persiapan rapi bagi memberikan pengalaman yang tidak seharusnya dilepaskan para pengunjung,” katanya selepas menjauh persiapan sambutan

Hari TVET Negara di ILP Kuala Langat di sini, semalam.

Mohd Faizal berkata, sambutan itu adalah platform terbaik bagi orang ramai untuk mendapatkan gambaran sebenar pendidikan TVET yang sebelum ini dianggap sebagai pilihan kedua serta mengetahui usaha yang dilakukan kerajaan dalam mengangkat serta memperkasa bidang TVET.

Sehubungan itu beliau menyeru pengunjung untuk hadir beramai-ramai pada Jumaat dan Sabtu ini serta merebut peluang mendapatkan pelbagai maklumat berhubung peranan dan kejayaan bidang TVET dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka merasmikan sambutan Hari TVET Negara 2024 pada Sabtu dan seterusnya melancarkan Dasar TVET Negara 2030.

Dasar TVET Negara 2030 katanya dibangunkan sebagai dokumen yang akan menjadi rujukan serta memandu institusi TVET dalam menawarkan dan melaksanakan program berkualiti berdasarkan keperluan industri.

Menurutnya dasar itu bermatlamat membawa Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui pelaksanaan program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif.

Hari TVET Negara disambut pada setiap 2 Jun dengan ‘TVET Pilihan Utama Kerjaya’ dipilih sebagai tema sambutan program itu tahun ini.



07 JUN, 2024

Hari TVET Negara 2024 tawar 3,000 peluang kerja

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Banting: Pameran, program dan aktiviti berdasarkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mengisi sambutan Hari TVET Negara 2024 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat di sini. Ketua Sekretariat Majlis TVET Negara Dr Mohd Faizal Tokeran berkata, sambutan itu dimeriahkan dengan pameran dan demonstrasi kemahiran oleh institusi TVET, pameran teknologi daripada pihak industri, aeroangkasa, kenderaan elektrik dan karnival kerjaya yang menawarkan 3,000 peluang pekerjaan.